



## **KERAJAAN MALAYSIA**

### **PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2004**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

### **PERATURAN BAYARAN SAGUHATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan, kadar dan syarat bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi semua jenis perkhidmatan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Di bawah Sistem Saraan Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan PTK bagi menggalakkan pembangunan diri anggota Perkhidmatan Awam melalui pembelajaran berterusan serta penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi dalam pelaksanaan tugas dan bagi melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi.

#### **PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

3. Pelaksanaan PTK melibatkan penubuhan Lembaga Penilaian Kompetensi seperti Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam, Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian, Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Akauntan Negara. Lembaga ini bertanggungjawab menetapkan dasar dan meluluskan sukatan peperiksaan serta kurikulum kursus. Di samping itu, beberapa Panel juga ditubuhkan seperti Panel Penggubalan Kurikulum, Panel Peperiksaan dan Panel Penilaian Kursus yang bertanggungjawab menggubal kurikulum kursus, menetapkan soalan, menilai prestasi pegawai dan mengesahkan keputusan ujian kursus dan peperiksaan.

## **PERATURAN BAYARAN SAGUHATI**

4. Bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PTK adalah ditetapkan seperti jadual di **Lampiran 'A'**.

5. Selain daripada peperiksaan PTK, terdapat juga peperiksaan lain iaitu peperiksaan perkhidmatan dan peperiksaan yang dijalankan oleh Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan. Sehubungan itu, bayaran saguhati seperti di bilangan 2, 4 dan 5 Lampiran A, Pekeliling ini adalah dipanjangkan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam peperiksaan tersebut.

## **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL DAN KETUA JABATAN**

6. Adalah tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan yang rapi dan memastikan penggunaan masa yang cekap dalam melaksanakan PTK bagi menjimatkan perbelanjaan. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal sendiri hendaklah mengawasi dengan rapi terhadap perbelanjaan bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini.

## **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1996 dan surat-surat Perbendaharaan yang berkaitan adalah dibatalkan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Izzuddin bin Dali)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
**Putrajaya**

**5 Oktober 2004**

s.k.: Ketua Setiausaha Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Ketua Audit Negara

**KADAR BAYARAN SAGUHATI PELAKSANAAN  
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)**

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
1.	<b>Lembaga Penilaian Kompetensi</b>	Bayaran Menghadiri Mesyuarat sebanyak RM150 sekali mesyuarat. (*Urusetia tidak layak diberi bayaran ini)		
2.	<b>Panel Penggubalan Kurikulum Kursus/Panel Peperiksaan</b>	Bayaran Menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100 sekali mesyuarat. (*Urusetia tidak layak diberi bayaran ini)		
3.	<b>Panel Penilaian Kursus</b>	i. RM50 sejam bagi kehadiran semasa kursus termasuk mesyuarat dengan maksimum RM1,000 satu kursus; dan ii. Tambahan RM25 sejam dengan maksimum RM500 satu kursus bagi penilaian Sesi Pengucapan Awam, Perbincangan Kumpulan dan Persembahan Kumpulan.		
4.	<b>Urusan Peperiksaan</b>  i. Penyelaras Pusat/ Pengawas Peperiksaan	i. Penyelaras Pusat Peperiksaan/Ketua Pengawas ii. Penolong Penyelaras Pusat Peperiksaan/Pengawas (*Urusetia tidak layak diberi bayaran ini)	<b>Peperiksaan Sesi Pagi</b> (sehingga pukul 1.00 tgh)	<b>Peperiksaan Sesi Petang</b> (mulai pukul 2.00 ptg)
			RM40 satu sesi	RM20 satu sesi
			RM30 satu sesi	RM15 satu sesi
			(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)	
	ii. Penggubal Soalan/ Rencana	i. Soalan esei dengan skema jawapan ii. Soalan objektif/pendek/isi tempat kosong dengan skema jawapan iii. Rencana ujian trengkas dan penyediaan skim markah bagi kederasan: - $\geq$ 100 perkataan seminit - $<$ 100 perkataan seminit iv. Rencana ujian menaip (*Dengan syarat soalan/rencana diterima oleh Panel Peperiksaan)	<b>PTK Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional</b>	<b>PTK Kumpulan Sokongan</b>
			RM40 satu soalan	RM30 satu soalan
			RM30 satu soalan	RM20 satu soalan
			RM80 satu rencana	RM70 satu rencana
			RM50 satu rencana	

BIL.	PEGAWAI YANG TERLIBAT	KADAR BAYARAN SAGUHATI		
		PTK Kumpulan Pengurusan & Profesional	PTK Kumpulan Sokongan	
	iii. Pemeriksa Kertas Jawapan/Trengkas/Taipan	i. Kertas jawapan esei <u>Masa Kertas</u> - kertas $\geq 3$ jam - kertas $\geq 2$ jam < 3 jam - kertas $\geq 1$ jam < 2 jam - kertas < 1 jam ii Kertas soalan objektif/pendek/isi tempat kosong iii. Kertas trengkas taip bagi kederasan: - $\geq 100$ perkataan seminit - < 100 perkataan seminit iv. Kertas taipan ujian menaip (*Sekiranya lebih daripada seorang terlibat, bayaran dibahagikan mengikut bilangan orang)	RM6 satu kertas RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas	RM5 satu kertas RM4 satu kertas RM3 satu kertas RM2 satu kertas
			5 sen satu soalan  RM2.50 satu rencana RM1.50 satu rencana RM1.50 satu rencana	
	iv. Pembaca Rencana	Rencana Ujian Trengkas i $\geq 100$ perkataan seminit ii < 100 perkataan seminit	RM80 satu rencana RM70 satu rencana	
5.	<b>Urusan Peperiksaan Secara Lisan/Amali/Pemerhatian/Temuduga</b>	Bayaran pemeriksa lisan/amali/pemerhatian/temuduga	<b>Peperiksaan Sesi Pagi</b> (sehingga pukul 1.00 tgh) RM40 satu sesi	<b>Peperiksaan Sesi Petang</b> (mulai pukul 2.00 ptg) RM20 satu sesi
			(* Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)	